

Implikasi Inflasi dan Kadar Pertukaran Asing Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Bagi Negara Malaysia, Brunei, Singapura, dan Indonesia.

Syed Saifullah Bin Mohammad

Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Email: aid_john15@yahoo.com.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat dan membincangkan beberapa objektif penting di antaranya untuk mengetahui Implikasi kadar inflasi dan kadar pertukaran asing terhadap pertumbuhan ekonomi bagi negara Malaysia, Brunei, Singapura, dan Indonesia. Penelitian ini bertujuan untuk melihat secara empirik pengaruh kenaikan harga iaitu inflasi dan kadar pertukaran asing terhadap pertumbuhan ekonomi. Kajian ini menggunakan data tahunan dari 1980-2013. Ia melibatkan pembolehubah bersandar iaitu Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan dua pembolehubah tidak bersandar iaitu inflasi, dan kadar pertukaran asing. Menariknya dapatan kajian mendapati implikasi inflasi dan kadar pertukaran asing terhadap pertumbuhan ekonomi berbeza di sesetengah negara membuktikan secara statistik wujudnya hubungan antara inflasi dan kadar pertukaran asing bagi sesetengah negara dan tidak bagi sesetengah negara.

Kata kunci: *inflasi, kadar pertukaran asing, pertumbuhan ekonomi.*

1. Pengenalan

Dewasa kini, proses pembangunan ekonomi di segala bidang pada hakikatnya adalah untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh. Proses perubahan struktur perekonomian seperti memperluaskan peluang pekerjaan, dan pengurangan jurang kemiskinan merupakan sasaran utama pembangunan yang hendak dicapai bagi mewujudkan kesejahteraan masyarakat. Setiap negara mempunyai kelebihan sendiri bagi membangunkan dan memperkukuh kedudukan ekonomi negara. Sumber ekonomi bagi negara-negara yang dipilih dilihat mempunyai kelainan dari segi produktiviti negara dan sumber alam yang digunakan. Malaysia menggunakan sumber alam dan industri sebagai sumber pendapatan negara. Indonesia menggunakan sumber daya alam dan sumber manusia bagi sumber pendapatan negara yang tinggi. Brunei menggunakan sumber semulajadi eksport minyak mentah dan gas asli. Singapura pula lebih fokus terhadap sektor perindustrian sebagai sumber pendapatan. Dengan memiliki kelebihan yang tersendiri dalam pengeluaran hasil negara pengkaji ini melihat kesan inflasi dan kadar pertukaran asing terhadap pertumbuhan ekonomi negara ini.

Kajian yang dilakukan ghalayini (2011) dalam kajian styo et al (2014) menyebutkan, ketika harga minyak dunia mengalami peningkatan maka pengguna akan mengurangkan penggunaannya terhadap minyak. Hal ini memberi kesan pada kenaikan harga barang dan perkhidmatan sehingga membuatkan pengguna mengurangkan penggunaan dan akan berlaku

inflasi baik dari segi Inflasi Tolakan Kos ataupun Inflasi Tarikan Permintaan. Kenaikan harga minyak akan meningkatkan kos pengeluaran barang-barang yang dihasilkan dengan menggunakan bahan bakar. Seterusnya, kenaikan kos pengeluaran akan menaikkan harga barang tersebut dan mengakibatkan kenaikan harga barang secara umumnya (inflasi). Selain itu, Peningkatan permintaan agregat akan mengakibatkan kenaikan harga umum, sehinggalah berlaku inflasi. Dengan itu dapat difahami bahawa dasar fiskal memiliki kaitan erat secara langsung dengan pertumbuhan ekonomi dan perubahan tingkat harga (inflasi). (Fischer 1983; Sarel 1996; Khan and Senhadji 2001) dalam kajian Marlina Widiyanti et al. (2010) menyatakan bahawa Selari dengan itu kadar inflasi yang tinggi akan menyebabkan menurunnya pertumbuhan ekonomi dan dapat mempengaruhi makroekonomi dan ketidakstabilan kewangan.

Kajian mengenai pengaruh kadar pertukaran penting disebabkan beberapa faktor. Pertama, kesan kejutan kadar pertukaran dapat membantu pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara. Hal ini disokong oleh Kutan dan Dibooglu (1998) yang menyatakan kajian ke atas kadar pertukaran dilakukan kerana kadar pertukaran merupakan salah satu kaedah untuk menstabilkan ekonomi tempatan dan mengurangkan kadar inflasi. Penetapan kadar pertukaran yang tepat akan memberi kesan yang baik kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Hal ini dapat dibuktikan melalui krisis kewangan 1997 dan krisis kewangan US 2008. Pada masa krisis kewangan tersebut, banyak negara telah mengalami kejatuhan ekonomi seperti tahap pengangguran yang tinggi dan muflis disebabkan ketidakstabilan dalam kadar pertukaran. Malaysia juga adalah salah satu negara Asia yang mendapat kesan daripada krisis kewangan Asia 1997 dan Kewangan US 2008. Daripada pernyataan diatas dapat diketahui bahawa kestabilan kadar pertukaran sangat penting dimana ia dapat memberi kesan kepada ekonomi sesebuah negara dalam sekelip mata sahaja.

Kedua, kadar pertukaran juga dapat boleh memberi amaran awal kepada para pelabur dan orang ramai. Pelabur akan yakin untuk melabur disesebuah negara apabila mereka melihat kestabilan kadar pertukaran selain daripada politik dan dasar luar negara tersebut. Ketiga, kadar pertukaran juga akan meningkatkan keyakinan institusi perbankan untuk memberi pinjaman kepada peniaga dan pengimport yang ingin membuat pinjaman jangka panjang atau overdraf.

Kadar pertukaran asing ini dilihat mempengaruhi pertumbuhan ekonomi kerana pergerakan kadar pertukaran akan menyebabkan perubahan dalam harga komoditi import dan eksport, sekali gus memberi kesan kepada perdagangan import dan eksport negara. Penurunan nilai mata wang asing yang memihak kepada negara pengeluar untuk meningkatkan eksport, tidak menggalakkan import. Sebaliknya, jika penilaian semula mata wang asing, yang kondusif untuk import, sehingga menjejaskan eksport. kesan pergerakan kadar pertukaran ke atas baki bukan dagangan sebagai kesannya terhadap imbalan perdagangan. Selain itu, Apabila kadar pertukaran mata wang sesebuah negara jatuh, kadar pertukaran asing, dan menggalakkan peningkatan eksport dan menghalang import di negara ini kerana harga barangan export menjadi murah dan relatifnya harga import mahal, yang menjadikan industri eksport dan industri penggantian import untuk membangunkan, supaya ekonomi negara keseluruhan dipercepatkan dan membangun sekali gus meningkatkan pekerjaan domestik peningkatan pendapatan negara. Sebaliknya, jika mata wang negara meningkat, eksport negara disekat. Import dirangsang peningkatan yang ketara disebabkan oleh kadar pertukaran, menyebabkan industri eksport negara tersebut dan industri penggantian import mengecut, sumber akan dipindahkan kepada sektor industri alternatif dari sektor lain dalam eksport industri dan import. Berdasarkan penerangan di atas tujuan kajian adalah meneliti sama ada implikasi inflasi dan juga kadar pertukaran asing akan memberikan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

2. Kajian Lepas

Inflasi

Hubungan inflasi dengan pertumbuhan ekonomi sering dijadikan isu kajian para pakar ekonomi, perbezaan keputusan kajian empirikal membawa kepada persoalan tentang hubungan pembolehubah tersebut. Keputusan kajian Xavier Sala-i-Martin (1991) dalam kajian Toh Kit Siang et al. menunjukkan bahawa kadar inflasi menyebabkan kos relatif bagi barang modal, maka wujud berkurangan dalam pembelian barang modal, pelaburan akan berkurang lalu mempengaruhi pertumbuhan ekonomi, iaitu wujud hubungan negatif antara inflasi dan pertumbuhan ekonomi. Tobin (1965), inflasi meningkatkan kos memegang wang maka secara langsung meningkatkan keinginan permintaan aset-aset kewangan dan membawa pertumbuhan. Menurut Sarel (1996), kajian dijalankan terhadap hubungan struktur antara inflasi dengan pertumbuhan ekonomi, didapati bahawa wujud dua keadaan hubungan inflasi dengan pertumbuhan ekonomi dan pemotongannya adalah pada 8 peratus, dimana kadar inflasi yang lebih tinggi daripada itu akan menghasilkan hubungan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Kadar inflasi yang tinggi memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi, oleh itu pihak penggubal dasar harus memastikan wujudnya kestabilan tingkat harga dalam negara, tetapi persoalannya berapakah nilai ufuk inflasi bagi keadaan di Malaysia? 1%, 2% atau 4%? Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara pertumbuhan ekonomi dengan kadar inflasi serta cuba mengenalpasti nilai ufuk kadar inflasi di Malaysia dengan menggunakan data sukuan pada tahun 1991Q1-2009Q4.

Inflasi ditafsirkan sebagai suatu proses meningkatnya harga-harga secara umum dan berterusan (continuous). Dengan kata lain, inflasi merupakan proses menurunnya nilai mata wang secara berterusan. Inflasi merupakan proses suatu kejadian kenaikan harga dan bukan tinggi-rendahnya tingkat harga. maknanya, tingkat harga yang dianggap tinggi belum tentu menunjukkan inflasi, dan dianggap inflasi jika terjadi proses kenaikan harga yang terus-menerus dan saling mempengaruhi. Inflasi merupakan salah satu masalah ekonomi yang banyak mendapat perhatian pemikir ekonomi. Pengertian inflasi merupakan kecenderungan harga-harga untuk menaik secara umum dan terus menerus akibat ketidakseimbangan arus barang dan wang yang terhasil dari kenaikan harga bahan bakar yang di terapkan oleh kerajaan. Dan Suatu negara yang mengalami inflasi memiliki ciri-ciri berikut:

1. Harga-harga barang pada umumnya dalam keadaan naik terus menerus;
2. Peredaran mata wang melebihi keperluan;
3. peredaran barangan relatif sedikit;
4. Nilai wang (kuasa beli wang) turun bagi pencegahan inflasi telah lama menjadi salah satu tujuan utama dari dasar ekonomi makro kerajaan dan bank pusat di seluruh negara. Untuk memahami pengertian diatas ada pelbagai kajian dan teori telah banyak dihasilkan oleh ahli ekonomi sebagai penyelesaian dari persoalan inflasi. Menurut Sutedi (2012:284-287) Dalam hal ini, terdapat tiga teori utama yang menjelaskan mengenai inflasi, yaitu sebagai berikut:

1. Teori kuantiti

Menurut teori kuantiti “kenaikan dalam tingkat pertumbuhan wang 1 peratus menyebabkan kenaikan 1 peratus dalam tingkat inflasi “(Mankiw,2007:90)

2. Teori Keynes

Teori ini menyatakan bahawa inflasi terjadi di sebabkan masyarakat hidup di luar tahap kemampuan ekonominya. Dengan kata lain, inflasi terjadi kerana pengeluaran agregat terlalu besar. Oleh karena itu, penyelesaian yang perlu di ambil adalah dengan jalan mengurangkan jumlah pengeluaran agregat itu sendiri (mengurangkan pengeluaran kerajaan atau dengan meningkatkan bon dan dasar moneteri yang ketat).

3. Teori strukturalis atau teori inflasi jangka masa panjang

model inflasi di negara berkembang Teori ini mengenengahkan sebab-sebab inflasi yang berasal dari kelakuan struktur ekonomi, khususnya kekuatan penawaran bahan makanan dan barang-barang export. Kerana sebab-sebab struktur pertumbuhan barang-barang pengeluaran ini terlalu lambat di banding dengan pertumbuhan ekonominya, sehingga menaikkan harga bahan makanan dan kekurangan pertukaran asing. Akibatnya adalah kenaikan harga-harga barang lain, sehinggab terjadi inflasi yang relatif masih tertinggal bila pembangunan sektor penghasilan bahan makanan dan industri barang-barang ekport tidak di kekalkan atau di tambah.

Kadar Pertukaran Asing

Volatiliti kadar pertukaran mampu mempengaruhi pertumbuhan melalui tiga saluran. Pertama, kesannya ke atas perdagangan antarabangsa terutamanya eksport (Hassan & Tufte, 1998; Bacchetta & Wincoop, 2000; Arize et. al, 2000; Aurengzeb et. al, 2005; Onafowora & Owaye, 2008). Melalui saluran ini, bukti empirikal menunjukkan keputusan yang berbeza-beza. Sebahagian kajian menunjukkan volatiliti kadar pertukaran menjejaskan perdagangan, manakala sebahagian kajian pula mendapati ianya memberi kesan positif dan negatif ke atas eksport. Selain itu, terdapat kajian yang menunjukkan tiada hubungan antara kedua-dua pembolehubah. Kedua, volatiliti kadar pertukaran menyebabkan berlaku ketidaktentuan pasaran yang mana ianya mempengaruhi keputusan pelaburan.


Ma & kao (1990), berpendapat bahawa terdapat sekurang-kurangnya dua kesan daripada perubahan kadar pertukaran asing kepada perubahan harga-harga saham dipasaran domestik. Pertama kesan kewangan, pelabur lebih selesa dengan kadar pertukaran yang stabil untuk mengurangkan resiko kadar pertukaran. Oleh itu kadar pertukaran yang meruap menghasilkan harga-harga saham yang terpaksa menyeimbangkan pergerakan kadar pertukaran. Kedua ialah kesan ekonomi, apresiasi kadar pertukaran memberi kesan negatif kepada harga pasaran ekuiti dalam negara berteraskan eksport dan kesan sebaliknya bagi negara berorientasikan import. Ini kerana mata wang yang mahal menjadikan eksport tidak lagi kompetitif dan menjelaskan pengeluaran dan harga-harga saham. Pada masa sama, jika nilai mata wang meningkat, kos import akan menjadi lebih murah yang seterusnya menggalakkan pengeluaran.

Nilai tukar terbagi kepada nilai tukar benar (*real exchange rate*) dan nilai tukar nominal (*nominal exchange rate*). Nilai benar adalah nilai yang digunakan untuk pertukaran barangan dan perkhidmatan dari suatu negara dengan barangan dan perkhidmatan dari negara lain. Sedangkan nilai tukar nominal adalah nilai yang digunakan untuk menukar mata uang suatu negara dengan mata uang negara lain, (Mankiw, 2003).

3. Objektif Kajian

Dalam sebuah penyelidikan, objektif kajian adalah elemen terpenting sebagai panduan kepada tujuan khusus dalam proses penyelidikan. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti sejauhmana kesan inflasi dan kadar pertukaran asing terhadap pertumbuhan ekonomi di negara Malaysia, Brunei, Indonesia, dan Singapura dari tahun 1980 hingga 2013.



4. Metodologi dan Data

Dalam mengkaji Implikasi kenaikan harga terhadap pertumbuhan ekonomi bagi negara Malaysia, Brunei, Singapura, dan Indonesia. Penelitian ini bertujuan untuk melihat secara empirik pengaruh kenaikan harga iaitu inflasi dan kadar pertukaran asing terhadap pertumbuhan ekonomi. Kajian ini menggunakan data tahunan dari tahun 1980 hingga tahun 2013. Kesemua data diperolehi daripada data skunder dimana ia melibatkan Laporan Ekonomi Jabatan Perangkaan dan data Bank Dunia. Pembolehubah dalam kajian ini ialah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Kadar Inflasi dan Kadar Pertukaran Asing.

$$GDP = \beta_0 + \beta_1 Inf + \beta_2 Exc + \mu$$

GDP = Kadar Pertumbuhan Ekonomi

β_0 = Parameter pekali

Inf = Inflasi

Exc = Kadar Pertukaran Asing Per US.

μ = Terma Ralat

kajian menggunakan kaedah OLS.

Kajian ini menggunakan pendekatan regresi dengan kaedah OLS menggunakan E view bagi menganggarkan fungsi pengeluaran bagi mencari koefisien input yang terpilih. Selain itu, ia juga akan mengukur implikasi inflasi dan kadar pertukaran asing terhadap pertumbuhan ekonomi. Ujian statistik dan ekonometrik digunakan untuk menganalisis keputusan yang diperolehi iaitu melibatkan ujian F, pekali penentuan R^2 , ujian t, ujian autokorelasi Durbin Watson, ujian heteroskedastisiti. Kreteria ini melihat kepada kesignifikanan dan kebolehpercayaan parameter yang dianggarkan dalam sesuatu model.

5. Dapatan Kajian

Dependent Variable: GDP

Method: Least Squares

Date: 04/30/15 Time: 05:01

Sample: 1980 2013

Included observations: 34

Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
INF	0.095838	0.340164	0.281741	0.7800
EXC	-2.498795	1.163187	-2.148230	0.0396
C	13.17979	4.055675	3.249715	0.0028
R-squared	0.161684	Mean dependent var		5.944117
Adjusted R-squared	0.107599	S.D. dependent var		3.790218
S.E. of regression	3.580505	Akaike info criterion		5.472982
Sum squared resid	397.4204	Schwarz criterion		5.607661

Log likelihood	-90.04069	Hannan-Quinn criter.	5.518911
F-statistic	2.989447	Durbin-Watson stat	1.666313
Prob(F-statistic)	0.064986		

Jadual 1: Analisis Hasil Regrasi Bagi Negara Malaysia.

Berdasarkan jadual 1, secara keseluruhannya, ujian t, hasil regresi menunjukkan pembolehubah iaitu inflasi berhubungan secara positif dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) manakala pembolehubah iaitu kadar pertukaran asing berhubungan secara negatif dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hasil kajian mendapati faktor kadar pertukaran asing memberi nilai yang signifikan pada aras keertian 5 peratus iaitu 0.0396. Sebaliknya faktor kadar inflasi memberi nilai yang tidak signifikan pada aras keertian 80 peratus iaitu 0.7800. Penentu pekali R² adalah 0.1616 iaitu menunjukkan bahawa 16.16 peratus perubahan dalam kadar pertumbuhan ekonomi boleh diterangkan oleh dua pembolehubah yang berkaitan. Berdasarkan nilai p untuk F-statistik, ia adalah signifikan. Bermaksud kedua-dua pembolehubah adalah signifikan dalam mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi di negara Malaysia. ini menjelaskan bahawa kadar pertukaran asing menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara Malaysia. Walaubagaimanapun kadar inflasi tidak dapat menerangkan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara Malaysia.

Dependent Variable: GDP

Method: Least Squares

Date: 04/30/15 Time: 04:58

Sample: 1980 2013

Included observations: 34

Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
INF	-0.317995	0.040045	-7.940936	0.0000
EXC	-0.000275	9.34E-05	-2.940237	0.0061
C	10.21516	0.694330	14.71225	0.0000
R-squared	0.719979	Mean dependent var		5.527566
Adjusted R-squared	0.701914	S.D. dependent var		3.863396
S.E. of regression	2.109310	Akaike info criterion		4.414696
Sum squared resid	137.9248	Schwarz criterion		4.549375
Log likelihood	-72.04983	Hannan-Quinn criter.		4.460625
F-statistic	39.85308	Durbin-Watson stat		1.658446
Prob(F-statistic)	0.000000			

Jadual 2: Analisis Hasil Regrasi Bagi Negara Indonesia.

Berdasarkan jadual 2, secara keseluruhannya, ujian t, hasil regresi menunjukkan semua pembolehubah iaitu inflasi dan kadar pertukaran asing berhubungan secara negatif dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hasil kajian mendapati faktor kadar pertukaran asing memberi nilai yang signifikan pada aras keertian 1 peratus iaitu 0.0061 dan faktor kadar inflasi juga memberi nilai signifikan pada aras keertian 1 peratus iaitu 0.0000. penentu pekali R² adalah 0.7199 iaitu menunjukkan bahawa 72.00 peratus perubahan dalam kadar pertumbuhan

ekonomi boleh diterangkan oleh dua pembolehubah yang berkaitan. Berdasarkan nilai p untuk F-statistik, ia adalah signifikan. Bermaksud kedua-dua pembolehubah adalah signifikan dalam mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi di negara Indonesia. ini menjelaskan bahawa kadar pertukaran asing dan kadar inflasi telah menyumbang kepada kadar pertumbuhan ekonomi bagi negara Indonesia. Inflasi berhubung secara negatif sama seperti Keputusan kajian Xavier Sala-i-Martin (1991) menunjukkan bahawa kadar inflasi menyebabkan kos relatif bagi barang modal, maka wujud berkurangan dalam pembelian barang modal, pelaburan akan berkurang lalu mempengaruhi pertumbuhan ekonomi, iaitu wujud hubungan negatif antara inflasi dan pertumbuhan ekonomi.

Dependent Variable: GDP
Method: Least Squares
Date: 04/30/15 Time: 05:29
Sample: 1980 2013
Included observations: 34

Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
INF	0.620799	0.343670	1.806383	0.0806
EXC	1.594590	2.413183	0.660783	0.5136
C	2.697623	4.355802	0.619317	0.5402
R-squared	0.101200	Mean dependent var		6.804843
Adjusted R-squared	0.043213	S.D. dependent var		4.165178
S.E. of regression	4.074190	Akaike info criterion		5.731318
Sum squared resid	514.5697	Schwarz criterion		5.865997
Log likelihood	-94.43241	Hannan-Quinn criter.		5.777247
F-statistic	1.745216	Durbin-Watson stat		1.860376
Prob(F-statistic)	0.191327			

Jadual 3: analisis hasil regrasi bagi negara Singapura.

Berdasarkan jadual 3, secara keseluruhannya, ujian t, hasil regrasi menunjukkan semua pembolehubah iaitu inflasi dan kadar pertukaran asing berhubung secara positif dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hasil kajian mendapati faktor kadar pertukaran asing memberi nilai yang tidak signifikan pada aras keertian 55 peratus iaitu 0.5136. Sebaliknya faktor kadar inflasi memberi nilai yang signifikan pada aras keertian 10 peratus iaitu 0.0806. penentu pekali R² adalah 0.1012 iaitu menunjukkan bahawa 10.12 peratus perubahan dalam kadar pertumbuhan ekonomi boleh diterangkan oleh dua pembolehubah yang berkaitan. Berdasarkan nilai p untuk F-statistik, ia adalah signifikan. Bermaksud kedua-dua pembolehubah adalah signifikan dalam mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi di negara Singapura. ini menjelaskan bahawa kadar pertukaran asing tidak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara Singapura walaubagaimanapun kadar inflasi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara Singapura.

Dependent Variable: GDP
Method: Least Squares

Date: 04/30/15 Time: 04:55
Sample: 1980 2013
Included observations: 34

Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
INFLASI	-0.317995	0.040045	-7.940936	0.0000
EXC	-0.000275	9.34E-05	-2.940237	0.0061
C	10.21516	0.694330	14.71225	0.0000
R-squared	0.719979	Mean dependent var		5.527566
Adjusted R-squared	0.701914	S.D. dependent var		3.863396
S.E. of regression	2.109310	Akaike info criterion		4.414696
Sum squared resid	137.9248	Schwarz criterion		4.549375
Log likelihood	-72.04983	Hannan-Quinn criter.		4.460625
F-statistic	39.85308	Durbin-Watson stat		1.658446
Prob(F-statistic)	0.000000			

Jadual 4: analisis hasil regresi bagi negara Brunei.

Berdasarkan jadual 4, secara keseluruhannya, ujian t, hasil regresi menunjukkan semua pembolehubah iaitu inflasi dan kadar pertukaran asing berhubungan secara negatif dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hasil kajian mendapati faktor kadar pertukaran asing memberi nilai yang signifikan pada aras keertian 1 peratus iaitu 0.0061 dan faktor kadar inflasi juga memberi nilai signifikan pada aras keertian 1 peratus iaitu 0.0000. penentu pekali R² adalah 0.7199 iaitu menunjukkan bahawa 72.00 peratus perubahan dalam kadar pertumbuhan ekonomi boleh diterangkan oleh dua pembolehubah yang berkaitan. Berdasarkan nilai p untuk F-statistik, ia adalah signifikan. Bermaksud kedua-dua pembolehubah adalah signifikan dalam mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi di negara Brunei. ini menjelaskan bahawa kadar pertukaran asing dan kadar inflasi telah menyumbang kepada kadar pertumbuhan ekonomi bagi negara Brunei.

6. Kesimpulan Kajian dan Implikasi Dasar

Kajian ini bertujuan untuk melihat dan membincangkan beberapa objektif penting di antaranya untuk mengetahui Implikasi kadar inflasi dan kadar pertukaran asing terhadap pertumbuhan ekonomi bagi negara Malaysia, Brunei, Singapura, dan Indonesia. Penelitian ini bertujuan untuk melihat secara empirik pengaruh kenaikan harga iaitu inflasi dan kadar pertukaran asing terhadap pertumbuhan ekonomi. Kajian ini menggunakan data tahunan dari tahun 1980 hingga tahun 2013. Keputusan kajian empirikal telah membuktikan kadar inflasi di bawah 0.8 peratus tidak memberikan kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Hal ini menunjukkan bahawa wujud keadaan tidak linear antara pertumbuhan ekonomi dengan kadar inflasi di negara Malaysia dan negara Singapura. Manakal bagi negara Indonesia dan negara Brunei mempunyai kadar inflasi yang lebih tinggi dari 0.8 peratus menyebabkan keputusan menunjukkan inflasi memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Hubungan negatif antara inflasi dengan pertumbuhan ekonomi dalam keadaan inflasi tinggi juga disokong oleh kajian pakar ekonomi lain seperti Mubarik (2005), Khan dan Senhadji (2001), Sarel (1996) dan lain-lain.

Implikasi dasar untuk kajian ini adalah di mana kepentingan dalam mengekalkan kadar inflasi di bawah tingkat nilai ufuk, keadaan ini akan mendorong pertumbuhan ekonomi negara. Matlamat utama bagi semua negara adalah dengan mencapai pertumbuhan ekonomi dengan kestabilan tingkat harga. Walau bagaimanapun, keadaan inflasi pasti akan wujud bagi setiap negara, hal ini disebabkan oleh keadaan inflasi bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor dalam negara sahaja malahan faktor luar negara juga akan menyebabkan inflasi berlaku seperti inflasi diimport yang menerangkan inflasi wujud akibatnya inflasi berlaku pada negara eksport barangan ke negara kita. Keputusan empirikal dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pihak perancangan dasar dalam mengenalpasti sasaran inflasi yang optimal, bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang stabil.

Justeru itu, sebagai sebuah Negara Sedang Membangun (NSM), pembuat dasar perlu mengambil perhatian terhadap pembangunan sistem kewangan dan perbankan bagi menjamin kelestarian pertumbuhan, begitu juga dengan indikator kualiti sektor awam. Walau bagaimanapun, sepertimana kajian sebelumnya, dapatan kajian ini berbeza-beza mengikut sampel dan kaedah permodelan yang digunakan. Ini kerana bagi kes negara Singapura, kadar pertukaran didapati tidak signifikan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi.

Hasil kajian dilihat berbeza-beza mengikut negara disebabkan oleh perbezaan kadar pertukaran dan kadar inflasi yang tinggi dan rendah. Hasil kajian empirik dapat memberi petunjuk bagi menentukan dan mengawal kadar pertukaran dan juga kadar inflasi yang sesuai bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

7. Rujukan

Styo, Mita Et al. (2014). Pengaruh harga minyak dunia, Harga emas, dan tingkat inflasi terhadap pertumbuhan ekonomi Indonesia. Studi Pada Bank Indonesia Periode Tahun 2003-2011. Malang

Ma, C. K. & Koa, G. W. (1990). On Exchange Rate and Stock Prices Reaction. *Journal Of Business Finance And Accounting*, 441-449

Mankiw, N. G., (2003). Teori Makro Ekonomi. Edisi kelima. Alih Bahasa Imam Nurmawan. Jakarta: Erlangga.

Tobin, J. (1965). "Money and economics growth", *Econometrica* 33 (1965): 671-684.

Sarel, Michael, 1996. "Nonlinear Effects of Inflation on Economic Growth", *IMF Staff Papers*, vol. 43, No. 1, pp. 199-215.

Toh Kit Siang Et Al. (2010). Nilai Ufuk Inflasi Dan Pertumbuhan Ekonomi Malaysia. *Prosiding Perkem V, Jilid 1* (2010) 83 – 97.

Hismendi Et al. (2013). Analisis Pengaruh Nilai Tukar, Sbi, Inflasi Dan Pertumbuhan Gdp Terhadap Pergerakan Indeks Harga Saham Gabungan Di Bursa Efek Indonesia. Magister Ilmu Ekonomi Program Pascasarjana Universitas Syiah Kuala. *Fakultas Ekonomi Universitas Syiah Kuala Banda Aceh*.

Zalina Zainal Et Al. (2010). Kemeruapan Kadar Pertukaran, Pertumbuhan Ekonomi Dan Institusi. *Prosiding Perkem V, Jilid 2* (2010) 445 – 454.

SOCIAL SCIENCES POSTGRADUATE INTERNATIONAL SEMINAR (SSPIS) 2015
e-ISBN 978-967-11473-2-0

Abdul Aziz Bin Mohd Mustafa. (2012). Kesan Kejutan Kadar Pertukaran Ke Atas Sektor Eksport Di Malaysia. Pusat Pengajian Ekonomi. Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Prosiding Perkem Vii, Jilid 2* (2012) 1082 – 10